



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 Jld. 50(3)

Tarikh : 14 November 2025

Encik Goh Swee Hong
Pengurus
Edukids Technology Sdn. Bhd.
53B, Jalan Bayu Tinggi 7,
Taman Bayu Tinggi, Klang
41200 Selangor

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID PROGRAM
PERTANDINGAN MALAYSIA MATHEMATICS INVITATIONAL CHAMPIONSHIPS
(MMIC) 2025 ANJURAN EDUKIDS TECHNOLOGY SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Edukids Technology Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program **Pertandingan Malaysia Mathematics Invitational Championships (MMIC) 2025** yang dilaksanakan pada **16 hingga 25 Oktober 2025**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Putri Asnorsalbiah binti Ahmad** di talian **03-88721636** atau melalui e-mel **putri.ahmad@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

s.k.: Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian